

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail


Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com

Nur Syafiqah Mohamad Fairuz Mohd Zamri Azizan

Pandemik - 19

Sudah terang lagi bersuluh, semakin hari kita semakin menghampiri ambang tahun 2022. Keadaan ini menandakan sudah makin menganjak ke tahun kedua kita diuji dengan pelbagai cabaran dan rintangan yang bermula dari penghujung tahun 2019 lagi. Isu pandemik covid-19 yang tiba-tiba menjadi sohor ini telah menggemparkan seluruh dunia melalui penularan virus yang merbahaya dan mengakibatkan situasi seluruh dunia menjadi kucar-kacir dan panik. Pandemik yang kini berstatus gelombang ketiga di Malaysia ini harus dikekang bermati-matian agar penularan virus ini dapat dilenyapkan secepat yang mungkin. Kita sebagai rakyat Malaysia haruslah berganding bahu dan memberi kerjasama untuk mengekang virus ini dari terus menular dan melenyapkan nyawa insan-insan yang tidak berdosa dengan rakus. Koronavirus atau virus korona ialah sekumpulan virus yang juga merupakan penyebab bagi penyakit di kalangan haiwan mamalia dan burung. Virus-virus



ini berupaya menjangkiti manusia bermula dengan simptom-simptom jangkitan saluran pernafasan yang ringan seperti selsema biasa dan penyakit yang boleh membunuh seperti SARS, MERS, dan COVID-19.

Atas dasar kepekaan terhadap situasi semasa maka pengkarya mengambil inspirasi dari struktur virus Covid-19 sebagai tema dan idea untuk pengolahan karya seni. Dalam mentakrif struktur Covid-19 ini dengan lebih terperinci maka pengkarya telah berjaya menghasilkan satu olahan bentuk yang kompleks kepada bentuk yang lebih mudah untuk dihayati. Proses demi proses telah berlaku dalam pencarian komposisi bentuk Covid-19 yang lebih padu melalui lakaran-lakaran awal sehingga proses akhir. Akhirnya seleksi yang terbaik melalui lakaran-lakaran tersebut dijadikan panduan untuk menzahirkan karya. Pengkarya telah menghasilkan satu karya yang bersifat tiga dimensi (3D) dengan nilai estetik yang tinggi melalui media baru. Selain itu juga bentuk oktagon diterapkan dengan variasi ketajaman yang berbeza sebagai tafsiran keganasan Covid-19 yang bersifat pembunuh dalam apa jua keadaan. Penggunaan elemen seni seperti rupa, ruang dan warna juga di tambah nilai khususnya untuk memberi impak yang berbeza dalam karya.

Dalam mengungkapkan ekspresi diri pada sesebuah karya seni, pelbagai media baru dan stail dilihat cuba diolah oleh setiap pengkarya agar keberkesanan dan impaknya dapat dirasai dan sampai ke jiwa penonton. Garapan teknik lekatan pelbagai media dengan paduan dan pertindihan dua tona warna yang berbeza iaitu warna merah dan kuning telah digabungkan untuk mendapatkan refleksi warna oren agar memberi kesan kontra yang lebih dramatik. Pemilihan warna merah juga sebagai perlambangan akan bahayanya Covid-19 kepada masyarakat seluruh dunia disamping memberi amaran agar berjaga-jaga akan serangan virus Covid-19 yang tidak mengenal batas usia mahu pun bangsa. Selain itu, pengkarya menggunakan kertas berwarna hitam sebagai tafsiran stem covid19 agar arca ini dapat dilihat pada sisi baru walaupun telah mengalami pelbagai

proses kemujaradan. Selain itu media seperti plastik dengan permukaan yang jernih menjadi pilihan pengkarya untuk memberi kesan refleksi cahaya di antara permukaan plastik merah dan kuning agar karya ni nampak lebih segar serta memberi satu pengamatan baru serta impak yang berbeza terhadap olahan struktur covid yang telah distailisasikan.

Dengan penghasilan karya ini maka wujudlah penambahan satu bentuk pernyataan seni yang melambangkan struktur Covid-19 hasil inspirasi dari situasi yang sedang berlaku di seluruh dunia sebagai satu kesedaran yang bersifat umum bahawasanya Covid-19 telah mengubah cara hidup kita kepada norma baharu dan wajib berwaspada pada tiap masa dan ketika. Dengan wujudnya karya ini setidak-tidaknya dapat memberi peringatan kepada masyarakat di seluruh dunia agar sentiasa mengamalkan langkah-langkah prevensi kerana Covid-19 ini tidak timbul dengan fizikal yang nyata tetapi sebagai agen pembunuh yang senyap dan bergerak secara radikal jika kita masih cuai dan alpa tanpa melakukan sebarang tanggung jawab terhadap diri sendiri dan masyarakat.




NUR SYAFIQAH MOHAMAD FAIRUZ
PANDEMIK - 19

9 in x 9.5 in x 9 in
Mixed Media
fiqah240202@gmail.com

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131

